

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Sunday, February 26, 2017 10:24 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students; Staf - Pesara UUM
Subject: SBM Perlu Kembalikan Reputasi Sebagai Pusat Pengajian Perniagaan Terbaik



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



26 FEBRUARI 2017 / 29 JAMADILAWAL 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Mohd Amir Aizat Sainon

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

SBM PERLU KEMBALIKAN REPUTASI SEBAGAI PUSAT PENGAJIAN PERNIAGAAN TERBAIK



UUM ONLINE: Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan (SBM), Universiti Utara Malaysia (UUM) perlu melakukan transformasi bagi mengembalikan semula reputasinya sebagai Pusat Pengajian Perniagaan terbaik.

Naib Canselor, Prof Dato' Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak berkata SBM harus bergerak seiring dengan kejayaan UUM yang kini berada dalam kelompok *Top 5% Business School* setelah memperoleh akreditasi AACSB.

"UUM tidak boleh menyimpang daripada fokusnya untuk menjadi universiti pengurusan terkemuka. Dalam hal ini, SBM sebagai sebuah pusat pengajian perniagaan, tidak boleh berada di belakang dan harus memimpin kecemerlangan UUM dalam bidang ini.

"Justeru SBM perlu melakukan transformasi bagi mengembalikan semula reputasinya sebagai Pusat Pengajian Perniagaan disegani sekali gus melonjakkannya menjadi antara Pusat Pengajian Perniagaan terbaik di dunia," ujarnya.

Jelas Naib Canselor, semua warga SBM harus fokus untuk melonjakkan UUM untuk mencapai lebih banyak kejayaan dengan meningkatkan kerja berpasukan.

"Kita tidak boleh bekerja secara silo. Kerja berpasukan amat penting untuk memastikan lebih banyak kejayaan dikecapi universiti.

"Ketepikan perbezaan dan bercakap hal-hal remeh, tetapi bercakap mengenai idea dan agenda penting. Kita boleh capai sesuatu yang mustahil kalau kita lakukannya secara bersama. Pastikan orang biasa menghasilkan keputusan yang luar biasa," katanya ketika berucap pada Majlis Kesyukuran dan Ramah Mesra Naib Canselor Bersama Warga SBM tengah hari tadi.

Tambahnya, transformasi perlu dilakukan bagi memastikan ia terus relevan dengan situasi semasa kerana masa dan keadaan yang berubah dengan begitu pantas menyebabkan apa yang dipelajari dahulu tidak lagi relevan dengan keadaan masa kini.

"Kaedah pembelajaran tradisional tidak lagi relevan dengan kecanggihan teknologi masa kini. Pembelajaran masa kini perlu dilakukan dengan pendekatan *omnichannel*, iaitu pendekatan pembelajaran yang boleh dilakukan di mana-mana sahaja.

"Pada masa ini juga kita ada agenda untuk mempunyai 30% staf yang mempunyai latar belakang industri. Untuk itu, apa yang boleh dilakukan adalah melatih semula dan mendedahkan staf kepada amalan industri bagi memastikan graduan yang dihasilkan menepati kehendak dan keperluan industri," tambahnya.

Selain itu katanya juga pusat pengajian perlu mempunyai pembiayaan yang mencukupi dan memastikan pelajar-pelajar memperoleh CGPA 3.0 ke atas demi memastikan kebolehgajian graduan.

Pada majlis itu juga, Naib Canselor merasmikan kedai buku SBM yang terletak di Foyer SBM.

Hadir sama Dekan SBM, Prof Dr Haim Hilman Abdullah, Timbalan Dekan SBM, Prof Madya Dr. Fais Ahmad, pegawai-pegawai kanan UUM dan warga SBM.

DARIPADA:

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

☎ 04-928 3048/3049/3052/3061

☎ 04-928 3053

✉ ukkuum@uum.edu.my

📘 Universiti Utara Malaysia (Official FB)



AACSB
ACCREDITED



AMBA
ACCREDITED



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.